

Newspaper	Utusan Melayu
Date	15/08/2017

Wujud protes dalaman terhadap Syed Saddiq

UM- 15/8/2017 Pg. 8

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Kekecohan yang timbul dalam forum *Nothing To Hide 2.0* semalam dipercayai berlaku berikutan wujudnya protes secara dalaman Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) terhadap kepimpinan Ketuanya, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Ketua Pemuda UMNO Kedah, **Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin** juga berpendapat, kekecohan itu pada masa sama memberi gambaran Armada tidak lagi yakin dengan kredibiliti Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tidak konsisten.

Beliau berkata, perkara itu berikutan wujud sebilangan besar kepimpinan Armada di peringkat exco dan bahagian yang sebelum ini telah tampil mempersoalkan kredibiliti Dr. Mahathir serta ahli keluarganya.

"Pemuda UMNO Kedah yakin permasalahan yang timbul disebabkan kegagalan Syed Saddiq meyakinkan pengikut dan kepimpinan Armada itu sendiri.

"Kami juga percaya Armada dan PPBM sedang berada diambang kejatuhan. Ketidakpercayaan kepimpinan bawahan



SHAIFUL HAZIZY



MOHD. RAZLAN

dan sifat pusingan-U Dr. Mahathir semakin menjejaskan sokongan akar umbi," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Shaiful Hazizy menyifatkan tindakan sesetengah pemimpin PPBM menuding jari kepada UMNO sebagai punca kekecohan di forum berkenaan adalah dangkal dan melulu.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan, **Datuk Mohd. Razlan Mohamad Rafi** pula berkata, kekecohan yang terjadi didakwa dicipta oleh pihak penganjur sendiri bagi mengelak soalan-soalan daripada hadirin yang tidak dapat dijawab.

Katanya, PPBM tidak perlu menyalahkan orang lain sekiranya mereka sendiri tidak pandai menjaga hal parti.

"Forum itu dibuat di dewan mereka, menggunakan moderator mereka, pengawal keselamatan mereka, yang hadir pula penyokong mereka dan yang mahukan penjelasan pun orang mereka.

"Budaya merusuh yang diajar sekian lama oleh pihak pembangkang sudah memular dan memakan diri mereka sendiri," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Mohd. Razlan, forum *Nothing To Hide 2.0* yang kononnya mahukan kebebasan dan menjawab semua persoalan ditanya oleh hadirin sebenarnya sekadar forum politik biasa yang mahu menghentam Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Apabila ditanya soalan berkenaan Datuk Seri Anwar Ibrahim, dijawabnya 'Anwar pun tidak tanya macam itu' dan apabila terus diasak, boleh pula menjawab 'tujuan untuk menjatuhkan Najib'. Begitulah pusing-pusing berkisar soalan yang tiada jawapan. Kebencian pembangkang kepada Dr. Mahathir sememangnya menebal. Mana tidaknya, mereka membesar berjuang dengan membenci beliau kerana memenjarakan Anwar," katanya.